



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

JAWATANKUASA KABINET PEMBANGUNAN BELIA MENGUKUHKAN PEMBANGUNAN BELIA

1. YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB) Bil. 1/2023 pada hari ini. Mesyuarat ini berperanan untuk menyelaraskan dan memperkemas sistem penyampaian inisiatif dan program pembangunan belia.
2. Jawatankuasa ini diwujudkan bagi merancang pembangunan anak muda agar lebih produktif dalam pembangunan sosio-ekonomi negara.
3. Jawatankuasa ini juga akan menjadi peneraju pelbagai usaha bagi membentuk generasi muda pada masa ini sebagai generasi pewaris negara yang berperanan meneruskan kesinambungan dan agenda pembinaan negara ke arah masa depan negara yang lebih cemerlang.
4. Terma rujukan JKPB adalah:
 - (i) Bertindak sebagai badan perunding, penyelarasan dan penasihat kepada Kerajaan untuk pembangunan belia madani.
 - (ii) Membincangkan isu-isu semasa pembangunan belia negara dan memperakukan langkah tindakan tertentu daripada aspek dasar, perancangan serta pelaksanaan agenda pembangunan belia bagi meningkatkan kesejahteraan kualiti hidup generasi belia.

- (iii) Menetapkan dan menilai strategi-strategi pelaksanaan program pembangunan belia secara inklusif.
 - (iv) Menyelaras fungsi dan peranan kumpulan pelaksana yang terlibat dalam pembangunan belia di pelbagai peringkat.
 - (v) Menyelaras dan memastikan peruntukan sumber bagi pembangunan belia yang disalurkan kepada kementerian/agensi dilaksanakan secara berkesan.
 - (vi) Memperkukuhkan kerjasama pelbagai sektor, menganalisis keberkesanan inisiatif dan mengesyorkan penambahbaikan ke atas dasar, pelan tindakan dan program pembangunan ekonomi belia khususnya berkaitan peluang pekerjaan dan penempatan pekerjaan.
5. Dalam mesyuarat JKPB hari ini, YAB Timbalan Perdana Menteri menyarankan kepada semua ahli mesyuarat untuk menyelaras semula langkah pelaksanaan dan implementasi secara menyeluruh agar dapat mengelakkan pertindihan fungsi, budaya kerja secara silo serta mengoptimumkan penggunaan sumber. JKPB perlu digerakkan secara aktif melalui tindakan penyelarasan antara kementerian agar keputusan–keputusan diambil disusuli dengan tindakan segera.
6. Mesyuarat hari ini juga telah memperkemaskan tatakelola JKPB dengan mewujudkan satu Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Belia yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi memacu tindakan merentas agensi. Sebanyak tiga (3) kertas pertimbangan telah dibentang dan dibincangkan dalam mesyuarat hari ini iaitu:
- (i) Semakan Semula Keanggotaan Terma Rujukan dan Cadangan Tatakelola JKPB;
 - (ii) Model Pembangunan Belia Madani; dan
 - (iii) Hasil Majlis Perundingan Belia Negara (MBPN).

7. Sebanyak empat (4) kertas makluman dibentangkan dalam mesyuarat hari ini, iaitu:
 - i. Pelaksanaan Tarikh Kuat Kuasa Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 [Akta A1602];
 - ii. Membangunkan Kerangka Dasar/Garis Panduan bagi Pekerja Gig di Malaysia;
 - iii. Pelaksanaan Nafas Baru Rakan Muda; dan
 - iv. Indeks Belia Malaysia: Mengukur dan Memantau Pencapaian Kualiti dan Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia

8. Melalui Mesyuarat JKPB, isu-isu belia dapat dibincangkan secara aktif dan berkesan serta dapat diperluas dengan melibatkan Agensi Kerajaan, ahli akademik, NGO ke arah memperkasakan belia lebih holistik serta dapat menyumbang kepada pembangunan negara yang lebih sejahtera.

9. Isu belia harus diarusperdanakan ke semua sektor berkaitan dan memerlukan kerjasama semua pemegang taruh dalam menjayakan hasrat kerajaan seperti tergaris dalam Dasar Belia Malaysia (DBM) dan Model Pembangunan Belia Madani 2030.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

20 MAC 2023